

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 51

Baki-baki akaun Raju Enterprise adalah seperti berikut:

Raju Enterprise**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015**

	RM	RM		RM	RM
Premis		50,000	Modal	68,070	
Lengkapan		6,800	(+) Untung bersih	5,690	73,760
Akaun belum terima		3,940			
Inventori		11,400	Akaun belum bayar		7,770
Bank		8,840			
Tunai		550			
		81,530			81,530

Urus-urus niaga berikut telah tertinggal daripada rekod perakaunan:

- Membeli sebuah mesin fotostat secara kredit dari Lim Photostat Sdn Bhd. Untuk RM7,200.
- Membayar cek bernilai RM4,500 kepada seorang akaun belum bayar dan menerima diskaun sebanyak RM279.
- Pemilik telah membawa masuk sebuah kenderaan bernilai RM24,000 untuk kegunaan perniagaan.
- Menjual 15% daripada inventori perniagaan kepada Amy untuk RM1,900 secara kredit.
- Membayar gaji dengan cek kepada seorang pembantu pejabat RM500.
- Pemilik mengeluarkan tunai RM50 dan barang niaga berkos RM150 untuk kegunaan peribadi.

Dikehendaki:

Sediakan penyata kedudukan kewangan (format "T") bagi Raju Enterprise pada 31 Disember 2015 selepas mengambil kira semua catatan urus niaga yang tertinggal. Tunjukkan jadual persamaan perakaunan dalam gerak kerja anda.